



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

# 2019 LAPORAN TAHUNAN

Majlis Kebangsaan bagi  
Orang Kurang Upaya (MKBOKU)









KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT  
**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**



Majlis Kebangsaan bagi  
Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

Sekretariat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya  
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya  
Jabatan Kebajikan Masyarakat


 03-80008000

 03-83232063



# KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA</b>	<b>1</b>
<b>2.0</b>	<b>KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)</b>	<b>5</b>
<b>3.0</b>	<b>JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)</b>	<b>13</b>
<b>4.0</b>	<b>LAPORAN AKTIVITI JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)</b>	<b>17</b>
	<b>4.1 JAWATANKUASA PENGANGKUTAN</b>	<b>18</b>
	<b>4.2 JAWATANKUASA <i>QUALITY LIFE CARE</i></b>	<b>25</b>
	<b>4.3 JAWATANKUASA PEKERJAAN</b>	<b>33</b>
	<b>4.4 JAWATANKUASA REKA BENTUK SEJAGAT DAN ALAM BINA</b>	<b>41</b>
	<b>4.5 JAWATANKUASA PENDIDIKAN</b>	<b>48</b>
	<b>4.6 JAWATANKUASA PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA</b>	<b>50</b>
<b>5.0</b>	<b>SEKRETARIAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)</b>	<b>59</b>



**1.0**

**MAJLIS KEBANGSAAN  
BAGI ORANG KURANG  
UPAYA**



## 1.1 LATAR BELAKANG

Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dilaksanakan di bawah Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Perasmiannya telah dilakukan oleh YB. Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Ogos 2008. Matlamat Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya adalah selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 iaitu ke arah pembangunan dan penggalakan penyertaan penuh Orang Kurang Upaya dalam masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, satu usaha kolektif telah dibuat oleh Majlis dengan menggunakan pendekatan secara multi sektoral dan perkongsian bijak dengan agensi berkaitan yang lain.

## 1.2 FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS SEBAGAIMANA SEKSYEN 9(1), AKTA OKU 2008

- a. Untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- b. Untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek orang kurang upaya termasuk perkara-perkara yang berhubungan dengan sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya;
- c. Untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan;
- d. Untuk memantau dan menilai kesan dasar, program dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dan dalam berbuat demikian boleh membuat apa-apa perkiraan dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu;
- e. Untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- f. Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehasenan;





- g. Untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, termasuk pada peringkat keluarga, berhubung dengan orang kurang upaya termasuk keupayaan dan sumbangan mereka bagi menggalakkan tanggapan positif dan kesedaran sosial yang tinggi serta memupuk rasa hormat kepada hak dan maruah orang kurang upaya;
- h. Untuk menerima pakai langkah yang berkesan dan sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan orang kurang upaya, dan sumbangan mereka di tempat kerja dan pasaran buruh;
- i. Untuk memupuk sikap menghormati hak orang kurang upaya pada semua peringkat sistem pendidikan, termasuk pada peringkat awal kanak-kanak;
- j. Untuk menasihati Kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- k. Untuk mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat, dan menjalankan serta menggalakkan penyelidikan yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- l. Untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional dan kakitangan yang bekerja dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
- m. Untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi orang kurang upaya dalam pasaran buruh, dan juga bantuan dalam mencari atau mendapatkan pekerjaan atas asas keserataan dengan orang upaya; dan
- n. Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan sewajarnya Akta ini.



**2.0**

**KEANGGOTAAN MAJLIS  
KEBANGSAAN BAGI  
ORANG KURANG UPAYA  
(MKBOKU)**



## 2.1 KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Berdasarkan Seksyen 3 (2), Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya hendaklah terdiri daripada anggota berikut :

- a. Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- b. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- c. Peguam Negara Malaysia atau wakilnya;
- d. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- e. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;
- f. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- g. Ketua Pengarah Pendidikan;
- h. Ketua Pengarah Kesihatan;
- i. Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan; dan
- j. Tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan orang kurang upaya yang hendaklah dilantik oleh Menteri.



## 2.2 ANGGOTA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA TAHUN 2020



### **PENGERUSI**

**YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun**

**Menteri**

*Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*



### **TIMBALAN PENGERUSI**

**YBhg. Dato' Dr Junaidah binti Kamarruddin**

**Ketua Setiausaha**

*Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*



### **SETIAUSAHA**

**YBrs. Tuan Zulkifli bin Ismail**

**Ketua Pengarah**

*Kebajikan Masyarakat*

## KEANGGOTAAN DARIPADA KEMENTERIAN / AGENSI



**YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun**  
*Peguam Negara*



**YBhg. Dato' Asri bin Hamidin @ Hamidon**  
*Ketua Setiausaha Perbendaharaan*  
*Kementerian Kewangan*



**YBhg. Datuk Isham bin Ishak**  
*Ketua Setiausaha*  
*Kementerian Pengangkutan*





**YBhg. Dato' Jamil bin Rakon**  
**Ketua Setiausaha**  
*Kementerian Sumber Manusia*



**YBhg. Datuk Dr. Habibah binti Abdul Rahim**  
**Ketua Pengarah**  
*Pelajaran*



**YBhg. Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah**  
**Ketua Pengarah**  
*Kesihatan*

## ANGGOTA INDIVIDU



**YBrs. Dr. Sulaiman bin Abdul Mutalib**  
*Timbalan Presiden*  
Majlis Pemulihan Malaysia  
(MCR)



**Encik Choo Siew Cheong**  
*Pengarah Eksekutif*  
National Council For The Blind  
(NCBM)



**YBrs. Dr. Hajah Ruziah binti Ghazali**  
*Penasihat*  
Pertubuhan Kebangsaan  
Orang Kerdil Malaysia (PKOKM)



**Encik Murugeswaran Veerasamy**  
*Presiden*  
Persatuan Damai Orang  
Kurang Upaya Malaysia



**Puan Feilina binti S.Y Muhammad Feisol**  
*Pengerusi*  
The National Autism Society Of Malaysia  
(NASOM)







**YBrs. Dr. Uma Visvalingam**  
*Pakar Perubatan Psikiatri*  
*Hospital Putrajaya*



**YBhg. Datin Fauziah binti Mohd Ramly**  
*Aktivis Masyarakat*  
*Bagi Kumpulan Sasar*  
*(OKU, Warga Emas Dan Kanak-Kanak)*



**Puan Eamienor Zakiah Md Zuki**  
*Setiausaha Agung*  
*Persekutuan Orang Pekak*  
*Malaysia*



**Encik Hee Qui Shing**  
*Setiausaha Kehormat*  
*East Asia & Pacific Regional Council Of*  
*Cheshire Homes (Wakil OKU Negeri Sabah)*



**Encik Francis Johen Anak Adam**  
*Penasihat*  
*Pertubuhan Orang Cacat Sarawak (POCS)*  
*(Wakil OKU Negeri Sarawak)*



**3.0**

**JAWATANKUASA  
MAJLIS KEBANGSAAN  
BAGI ORANG KURANG  
UPAYA**



### 3.1 JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN DI BAWAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Untuk membantu Majlis melaksanakan fungsi dan peranannya, sebanyak enam (6) Jawatankuasa telah ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa ini telah dibuat pada mesyuarat kali pertama yang telah diadakan pada 14 Ogos 2008.

Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

#### a. Jawatankuasa Pengangkutan

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti yang berkaitan dengan pengangkutan seperti bas, keretapi, feri dan juga kapal terbang. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan stesen pengangkutan awam di negara ini menyediakan kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) di setiap stesen mereka.

#### b. Jawatankuasa Quality Life Care

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan penjagaan kesihatan, rawatan, rehabilitasi, habilitasi, pengesanan dan intervensi awal kepada OKU.

#### c. Jawatankuasa Pekerjaan

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan khusus kepada isu yang berkaitan pekerjaan kepada OKU.



## d. Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan yang berkonsepkan '*universal design*' dalam setiap reka bentuk yang mana peralatan ini boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuklah OKU, warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung.

## e. Jawatankuasa Pendidikan

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu pendidikan kepada OKU, termasuklah penyediaan prasarana yang mesra OKU di sekolah-sekolah.

## f. Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan pengeluaran kad OKU, pendaftaran OKU, promosi dan penggalakan pendaftaran OKU.





**LAPORAN AKTIVITI  
JAWATANKUASA MAJLIS  
KEBANGSAAN BAGI  
ORANG KURANG UPAYA  
(MKBOKU)**



# 4.1 JAWATANKUASA PENGANGKUTAN

## MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

### 4.1.1. Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Bil. 1/2020 telah diadakan pada 14 Julai 2020 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Terdapat empat pembentangan telah diadakan pada mesyuarat tersebut seperti di bawah:

- a. Laporan Jawatankuasa Pengangkutan 2019
- b. Laporan Jawatankuasa Pengangkutan 2020
- c. Hasil Bengkel Penambahbaikan Pelekat Kenderaan OKU
- d. Hasil Penambahbaikan Audit Lapangan Terbang Miri oleh Malaysia *Airports Holdings Bhd* (MAHB)

### 4.1.2. Laporan Aktiviti / Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2020

#### 1. Bengkel

Dua bengkel telah diadakan sepanjang tahun 2020 seperti berikut:

##### a. Bengkel Penambahbaikan Pelekat Kenderaan OKU

- i. Bengkel ini telah diadakan pada 21 Januari 2020.
- ii. Bengkel bertujuan untuk mendapatkan kaedah terbaik bagi menangani masalah penyalahgunaan tempat letak kenderaan OKU serta membincangkan keputusan Mesyuarat MKBOKU Bil. 1/2019 iaitu tempat letak kenderaan OKU boleh digunakan oleh waris.
- iii. Bengkel diadakan dengan usaha sama di antara Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- iv. Bengkel telah dihadiri oleh 40 orang peserta terdiri daripada wakil daripada:
  - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
  - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
  - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
  - Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
  - Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)
  - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
  - Wakil persatuan OKU





- v. Bengkel telah memutuskan:
- Penggunaan pelekat kenderaan OKU ditukar kepada plat kenderaan OKU yang lebih mudah untuk dikawal selia serta membantu agensi penguatkuasaan melakukan penguatkuasaan.
  - 3 kategori OKU dibenarkan untuk menggunakan kemudahan tersebut iaitu:
    - Fizikal
    - Pelbagai
    - Masalah Pembelajaran (Autisme dan ADHD teruk)
    - Mental tidak akan dibenarkan untuk menggunakan kemudahan tersebut
  - Satu waris akan dibenarkan untuk memohon dan menggunakan plat kenderaan ini.



Sesi bengkel yang diadakan telah dihadiri oleh pelbagai kementerian dan agensi

#### b. Bengkel Laman Sesawang Mesra OKU

- i. Bengkel ini telah diadakan selama dua hari iaitu pada 14 dan 15 September 2020.
- ii. Idea untuk mengadakan bengkel ini tercetus apabila Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) telah membentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Bil. 3/2019 akan kepentingan pelaksanaan konsep *World Wide Web Consortium* (W3C) dalam laman sesawang khususnya berkaitan pengangkutan awam. Pelaksanaan konsep W3C ini di dalam laman sesawang akan membolehkan ia dilayari oleh semua golongan termasuk golongan OKU penglihatan.

- iii. Bengkel ini telah dihadiri oleh 30 orang peserta daripada pelbagai agensi dan pihak penyedia perkhidmatan pengangkutan awam.
- iv. Bengkel ini memberikan panduan teknikal kepada pegawai IT yang hadir dan bertanggungjawab dalam penyediaan laman sesawang yang inklusif kepada semua golongan.
- v. Bengkel ini telah dikendalikan oleh dua orang penceramah serta seorang fasilitator daripada MAB.



Bengkel Laman Sesawang Mesra OKU diadakan pada 14 dan 15 September 2020

## 2. Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Audit aksesibiliti merupakan satu program yang diadakan oleh Kementerian Pengangkutan untuk menilai keupayaan perkhidmatan dan terminal pengangkutan awam untuk digunakan oleh golongan OKU.

Setiap sesi audit akan diketuai oleh juru audit yang mempunyai pengalaman luas dalam reka bentuk bangunan serta Malaysian Standard (MS1184).





Sebanyak tiga sesi audit telah dibuat pada tahun 2020 seperti berikut:

**a. Stesen KTMB Wakaf Bharu**

- i. Stesen keretapi ini mula dibuka pada 4 Mei 1914 dan merupakan stesen kedua Aliran Pantai Timur. Stesen ini telah dibina semula pada tahun 2008 dan dipindahkan ke stesen baru pada 2009.
- ii. Stesen yang hanya mempunyai satu platform dan 2 landasan ini merupakan stesen keretapi yang paling hampir dengan pusat bandar Kota Bharu.
- iii. Hasil audit menemukan beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan seperti berikut:
  - Penambahbaikan *ramp* bagi memudahkan OKU yang menggunakan kerusi roda untuk akses masuk ke stesen
  - Penyediaan *ramp* boleh ubah ketika pengguna kerusi roda memasuki atau keluar daripada gerabak keretapi
  - Penambahbaikan laluan *tactile*
  - Penambahbaikan tandas OKU



Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam di Stesen KTMB Wakaf Bharu

**b. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu**

- i. Lapangan terbang yang siap dibina pada 2002 ini terletak di Kota Bharu, Kelantan. Terminal berkeluasan 12,000 meter persegi ini mampu menampung 1.4 juta penumpang setahun. Lapangan terbang ini dalam proses pembesaran untuk dinaiktaraf kepada lapangan terbang antarabangsa.
- ii. Audit aksesibiliti telah dibuat di lapangan terbang ini ketika proses awal pembesaran terminal seterusnya memudahkan penambahbaikan terhadap fasiliti OKU untuk dilakukan.

- iii. Hasil audit menemukan beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan seperti berikut:
- Kedudukan *tactile* yang lebih teratur dan tersusun bagi memudahkan pergerakan OKU penglihatan
  - Penyediaan ruang letak kenderaan OKU berhampiran dengan pintu masuk utama
  - Penyediaan kaunter mesra OKU dan pegawai yang terlatih



Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam  
di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan

### c. Stesen KTMB Kajang 2

- i. Stesen keretapi ini sedang dibina di Bandar Baru Kajang, Selangor. Stesen ini sangat strategik kerana berdekatan dengan 3 bandar utama iaitu Bandar Baru Bangi, Semenyih dan Kajang.
- ii. Stesen ini berhampiran dengan infrastruktur dan kemudahan penting seperti kompleks perniagaan dan juga sekolah.
- iii. Hasil audit menemukan beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan seperti berikut:
- Penambahbaikan laluan *tactile*
  - Penambahbaikan lif supaya lebih mudah diakses oleh OKU
  - Penyediaan *ramp* yang lebih rendah bagi memudahkan pengguna berkerusi roda
  - Penyediaan kaunter OKU dan pegawai yang terlatih





Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam di Stesen KTMB Kajang 2

### 3. Inisiatif dan Program Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk OKU

Kementerian dengan bantuan agensi serta pihak berkepentingan sentiasa berusaha untuk membantu meringankan beban serta memudahkan pergerakan golongan OKU. Antara inisiatif yang telah dibuat pada tahun 2020 adalah seperti berikut:


#### a. MYRAIL 5

Inisiatif oleh KTMB ini menawarkan tambang bulanan serendah RM5 sebulan kepada OKU dan pelajar sekolah yang menggunakan perkhidmatan KTMB bermula Januari hingga Disember 2021.




**b. MY30, MY50 dan MY100**

Inisiatif oleh Prasarana ini bermula pada Januari sehingga Disember 2020. Ia mampu meringankan beban pengguna pengangkutan perkhidmatan awam khususnya golongan OKU sepanjang pandemik COVID-19



**c. The Butterfly Effect**

Inisiatif oleh MAHB bagi menyantuni golongan Autisme dan menjadikan lapangan terbang (KLIA & KLIA 2) mesra Autisme. Perkhidmatan khas ini mula beroperasi pada Jun 2020.





# 4.2 JAWATANKUASA QUALITY LIFE CARE

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

## 4.2.1. Pelaksanaan Mesyuarat

Tiada mesyuarat Jawatankuasa 'Quality Life Care' Bagi Orang Kurang Upaya dilaksanakan bagi tahun 2020, kerana memberi keutamaan kepada pencegahan dan kawalan wabak pandemik COVID-19 serta pengurusan kesihatan pesakit COVID-19.

## 4.2.2. Fokus Utama bagi Tahun 2020

Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 bagi membantu mengekang penularan wabak COVID-19. Berikutan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti strategi bagi sistem penyampaian perkhidmatan di klinik kesihatan dan komuniti agar sejajar dengan keperluan bagi menangani wabak COVID-19. Fokus utama 2020 adalah:

- a. Memperkukuhkan perkhidmatan kanak-kanak berkeperluan khas (kanak-kanak OKU) melalui pelaksanaan aktiviti kesedaran pengesanan ketidakupayaan bagi tujuan stimulasi awal (*Early Intervention Program/EIP*), kesedaran kesihatan seksual dan keselamatan diri serta rehabilitasi perubatan.
- b. Meningkatkan liputan dan sistem penyampaian penjagaan kesihatan melalui perluasan perkhidmatan perawatan domisiliari (PPD) di Kesihatan Primer (OKU dewasa), fokus kepada perluasan skop penjagaan paliatif di negeri yang mempunyai Pakar Perubatan Paliatif.
- c. Menangani keperluan kumpulan sasar kepada penjagaan kesihatan dan akses perkhidmatan rehabilitasi kepada golongan OKU di komuniti. Mempertingkatkan pelaksanaan aktiviti pendidikan kesihatan, saringan, pengesanan awal dan intervensi rehabilitasi di komuniti.
- d. Memantau keberhasilan pencapaian (indikator) bagi Perkhidmatan Kesihatan OKU dan maklum balas antarabangsa.
- e. Penggalakan kajian dan inovasi.

### 4.2.3. Laporan Aktiviti / Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2020

#### 1. Pengesanan dan Pengesahan Ketidakupayaan bagi Tujuan Pendaftaran Sebagai OKU

Taklimat berkaitan penggunaan format baharu iaitu Borang Permohonan Pendaftaran OKU (BPPOKU Pindaan 2019) telah diadakan bagi lima (5) zon mulai Februari hingga Mac 2020. Taklimat yang disasarkan kepada Pakar/Pegawai Perubatan dan ahli terapi dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia serta pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Taklimat bertujuan untuk menyebarkan penggunaan borang baharu tersebut, disamping meningkatkan pengetahuan peserta dalam pengesanan dan pengesahan ketidakupayaan. Taklimat bagi zon Sabah ditangguhkan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19.

Susulan daripada keputusan yang diperolehi semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran OKU yang berlangsung pada 14 Ogos 2020, penambahbaikan bagi borang baharu BPPOKU Pindaan 2019 telah dibuat. Penambahbaikan ini membenarkan Pegawai Perubatan untuk membuat pengesahan bagi Kategori Pembelajaran. Borang pindaan baharu ini boleh didapati di laman sesawang JKM ([www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)).

Latihan pengesahan OKU dan pemakluman borang pindaan baharu ini kepada pegawai perubatan akan diteruskan pada tahun 2021.



Sesi taklimat Borang Permohonan Pendaftaran OKU (BPPOKU Pindaan 2019) oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU)



## 2. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) dan Skop Perubatan Paliatif

Perkhidmatan kesihatan di komuniti ini merupakan kesinambungan bagi jagaan pesakit yang dirujuk dari hospital kerajaan dan memerlukan rawatan jangka panjang. Pesakit stabil terlantar ini terutamanya dengan diagnosa strok, *traumatic brain injury* dan kecederaan saraf tunjang memerlukan jagaan secara berterusan di rumah selepas didiscaj dari hospital. Pasukan PPD di klinik kesihatan bertanggungjawab melatih dan menyelia penjaga dalam menjalankan jagaan serta rawatan asas kepada pesakit.

Perkhidmatan Perawatan Domisiliari diperluaskan dengan penambahan skop perubatan paliatif bermula tahun 2016 di Selangor, diikuti dengan Kedah, Pulau Pinang dan Perak pada tahun berikutnya. Sehingga kini, terdapat 50 klinik kesihatan dengan PPD yang menjalankan skop perubatan paliatif.

Mesyuarat PPD Kebangsaan bertarikh 11 Februari 2020 bersetuju agar peluasan skop perubatan paliatif dilakukan secara berperingkat memfokuskan kepada negeri yang mempunyai Pakar Perubatan Paliatif tetap di hospital. Pelaksanaan di 10 klinik kesihatan di Perak telah dimulakan dan taklimat selesai diadakan pada 10-12 Mac 2020.

Semasa wabak pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia, Perkhidmatan PPD dan Perawatan Paliatif tetap diteruskan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Perkhidmatan ini diteruskan mengikut arahan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4/2020 bertarikh 6 Julai 2020: Pengoperasian Fasiliti Kesihatan Primer KKM Pasca PKP.

Perkhidmatan kesihatan di rumah pesakit dilaksanakan dengan mengambil langkah pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 seperti garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh KKM.




Pasukan PPD menjalankan lawatan ke rumah pesakit mengikut SOP COVID-19

### 3. Kesedaran Kesihatan Seksual Dan Keselamatan Diri

Program Kesedaran Kesihatan Seksual dan Keselamatan Diri disasarkan kepada penyampai perkhidmatan di klinik kesihatan, para guru dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan petugas di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menyampaikan maklumat dan kaedah pembelajaran yang lebih interaktif kepada kanak-kanak dan remaja OKU.

KKM telah mengambil inisiatif untuk mengukuhkan program ini dengan menghasilkan bahan bantu mengajar yang boleh digunapakai oleh penyampai perkhidmatan kepada golongan kanak-kanak dan remaja OKU. Cadangan pelaksanaan projek inovasi bahan bantu mengajar iaitu apron kesihatan seksual yang mengandungi ilustrasi anatomi organ seksual ringkas beserta terminology serta satu (1) buku kecil ringkasan kepada Modul *“Live Life, Stay Safe”* telah diketengahkan melalui pembentangan kertas kerja inovasi kepada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui program MySI (*Malaysia Social Innovation*). Inovasi ini merupakan hasil kerjasama KKM dengan Jabatan Pembangunan OKU, sebagai material rujukan dan bahan mengajar yang boleh digunapakai oleh petugas semasa mengajar pelatih OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Modul *“Live Life, Stay Safe”* telah dicetak dan akan diedar kepada 15 JKMN, 108 Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan 10 institusi untuk rujukan JKM dan PDK. Dua (2) siri Latihan Kesedaran Kesihatan Seksual dan Keselamatan Diri Dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Berkeperluan Khas, menggunakan Modul *“Live Life, Stay Safe”* telah diadakan di peringkat Negeri Kelantan pada 28 - 29 Januari 2020 dan di Johor pada 17 - 18 Februari 2020. Latihan ini dikhususkan kepada anggota kesihatan dan kaunselor Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN). Latihan ini akan diteruskan kepada anggota kesihatan, kaunselor JKMN dan petugas di PDK pada tahun 2021.



Bahan bantu mengajar Kesihatan Seksual dan Keselamatan Diri bagi Kanak-kanak dan Remaja Berkeperluan Khas

#### 4. Laporan *National Health Morbidity Survey (NHMS) 2019*

*WHO Global Disability Action Plan 2014-2021* menekankan tentang pengukuhan pengumpulan data yang relevan mengenai ketidakupayaan, sokongan terhadap penyelidikan mengenai ketidakupayaan serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya. Bagi mengukuhkan lagi data sedia ada di Malaysia dan lanjutan dari dapatan NHMS tahun 2015, KKM sekali lagi telah melaksanakan satu kajian pada tahun 2019.

Kajian NHMS tahun 2019 bagi *Model Disability* melibatkan prevalen ketidakupayaan dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa di Malaysia serta soalan berkenaan penggunaan alat bantuan (*assistive devices*) dalam kalangan orang kurang upaya. Data berkenaan penggunaan alat bantu (*assistive devices*) merupakan salah satu indikator dalam *universal health coverage (UHC)* yang dipantau oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization – WHO*).

Data NHMS tahun 2019 menunjukkan prevalen ketidakupayaan bagi populasi dewasa di Malaysia adalah sebanyak 11.1%, manakala kanak-kanak adalah sebanyak 4.7%. Prevalen penggunaan alat bantuan (*assistive devices*) dalam kalangan dewasa di Malaysia pula adalah sebanyak 76.6 %. Laporan NHMS 2019 boleh dilayari di laman sesawang rasmi Institut Kesihatan Umum, KKM ([www.iku.gov.my](http://www.iku.gov.my)).

Pembentangan data NHMS 2019 akan dibuat pada Mesyuarat Teknikal Kesihatan OKU Bil.1/2021, bagi penambahbaikan aktiviti perkhidmatan kesihatan OKU.

**NHMS 2019**

# Fact Sheet

National Health and Morbidity Survey 2019  
Non-communicable diseases, healthcare demand and health literacy

## INTRODUCTION

The National Health and Morbidity Survey (NHMS) is Malaysia's national health survey and was first carried out in 1996. The main objective of NHMS 2019 was to provide community-based data and evidence to Ministry of Health Malaysia on Non-Communicable Diseases (NCD), NCD risk factors and healthcare demand for review of national health priorities and programs.

## METHODOLOGY

NHMS 2019 was a cross-sectional survey, using complex study design with two-stage stratified cluster sampling. A total of 26 houses (12 for NCD questionnaire and 14 for healthcare demand questionnaire) were selected from each cluster. The survey involved all states and federal territories in Malaysia, to produce nationally representative data. Face-to-face interview was carried out by trained research assistants, together with structured self-administered questionnaires, clinical and anthropometric measurements as well as point-of-care finger prick blood test. A total of 14,965 individuals (response rate - 87.2%) participated in the NCD portion, meanwhile 18,888 individuals (response rate - 88.8%) answered the healthcare demand portion.

## HIGHLIGHTS

### Non-communicable Diseases

#### Diabetes among Adults

- Known diabetes: 9.4%
- Raised blood glucose among unknown diabetes (Fasting blood glucose  $\geq 126$ mg/dL): 8.9%
- Overall prevalence: 18.3%

An increase from 2011 (11.1%) and 2015 (13.4%), previous results reanalyzed to the new cut-off.

#### Hypertension among Adults

- Known hypertension: 15.7%
- Raised blood pressure among unknown hypertension: 14.1%
- Overall prevalence: 30.0%

Plateau in the prevalence from 2011 (31.6%) and 2015 (30.3%).

#### Hypercholesterolemia among Adults

- Known hypercholesterolemia: 11.5%
- Raised total cholesterol among unknown hypercholesterolemia: 24.6%
- Overall prevalence: 36.1%

Changes seen from prevalence in 2011 (35.9%) and 2015 (47.7%).

#### Nutritional Status

- 50.1% of adults are overweight or obese (30.4% overweight and 19.7% obese).
- 22.6% of adults have abdominal obesity.
- Trends of overweight, obesity and abdominal obesity continue to rise compared to NHMS 2011 (29.4%, 15.1%, 4.4%) and 2015 (30.0%, 17.7%, 4.6%) findings.
- 29.8% of children 5 to 17 years of age are overweight (15.0%) and obese (14.8%).
- 21.8% of children under 5 years of age are stunted. An increase from 2011 (18.8%) and 2015 (17.7%).
- 29.9% of women in reproductive age are anaemic.

#### Others

- 21.1% of adults are physically inactive, a reduction compared to 2011 (25.7%) and 2015 (13.5%).
- 94.9% of adults do not consume the recommended adequate fruits and vegetables of 5 servings per day. This is a rise from the 92.5% in 2011 and 94.0% in 2015.
- 21.3% of adults are current smokers, while 11.8% are current alcohol drinkers. The proportion of binge drinkers among current drinkers are 45.8%. There is a reduction of the proportion of binge drinkers from 2011 (50.2%) and 2015 (59.4%).
- 2.3% of adults have depression, while 7.9% of children 5 to 15 years of age were found to have mental health problems, mainly due to peer interaction with their peers.
- 56.6% of adult women had done a pap smear in the past 5 years. Among women age 40 years and over, 21.0% had ever done a mammogram in the past 5 years, while 25.0% had ever done a mammogram.
- 11.1% of adults and 4.7% of children were found have disability.

## 5. Kesiapsiagaan Perkhidmatan Kesihatan OKU dalam Menangani Pandemik COVID-19

Bagi memastikan perkhidmatan kesihatan dapat diteruskan dengan lancar semasa wabak pandemik COVID-19 dan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, KKM telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Memperkukuhkan Kesiapsiagaan Fasiliti Kesihatan Semasa Fasa *Late Containment* dan *Mitigation* COVID-19 dan Panduan Pencegahan dan Kawalan Infeksi COVID-19 untuk Anggota Kesihatan semasa Perawatan di Rumah bagi pesakit dan OKU terlantar di rumah (Mac 2020).

Bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mesyarakat mengenai amalan norma baharu dalam pencegahan dan kawalan penularan jangkitan COVID-19, KKM telah diberi mandat untuk bersama menyemak beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) kementerian berikut:

### a. Kementerian Pendidikan Malaysia (Jun 2020):

- i. Garis Panduan Murid Berkeperluan Khas
- ii. Sesi penilaian dan intervensi di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK)
- iii. Borang akuan pengisytiharan ibubapa
- iv. *Homepack*

### b. Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (Julai 2020):

- i. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 bagi OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- ii. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 bagi OKU di Institusi OKU, JKM
- iii. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 bagi Pelaksanaan Program *Disability Equality Training* (DET)
- iv. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 bagi Pelaksanaan Perkhidmatan *Job Coach*
- v. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 bagi OKU di *Independent Living Centre*
- vi. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-Kanak, Sub Manual TASKA OKU

## 6. Kerjasama Pintar bagi Memperkasa Pemberi Perkhidmatan OKU

Kursus Pengendalian Tingkah Laku Mencabar di Institusi Jagaan JKM dengan kerjasama JPOKU telah diadakan pada 3-4 Mac 2020 kepada anggota kesihatan dan anggota kebajikan di tujuh (7) Taman Sinar Harapan.

Dua (2) Kursus Asas Penjagaan Kanak-Kanak Kurang Upaya kepada penjaga institusi NGO dengan kerjasama MAKPEM (13-14 Julai dan 7-8 Ogos 2020). Latihan dengan kerjasama NGO MAKPEM kepada penjaga di institusi dan di rumah seperti institusi jagaan, Rumah Sri Kenangan dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, bagi negeri Perak, Pahang dan Selangor ditangguhkan disebabkan pandemik COVID-19.



Sesi praktikal semasa Kursus Pengendalian Tingkah Laku Mencabar di Institusi Jagaan JKM



Ceramah Kursus Asas Penjagaan Kanak-Kanak Kurang Upaya kepada penjaga institusi NGO dengan kerjasama MAKPEM

## 7. Latihan dalam Perkhidmatan

Cadangan program pemindahan ilmu dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi latihan saringan awal penglihatan kepada kanak-kanak 4-6 tahun memfokuskan kepada murid pra sekolah berkeperluan khas telah dikemukakan. Perbincangan bersama pihak Bahagian Pendidikan Khas, KPM dan UKM telah dilaksanakan pada Oktober 2020.

Sebanyak 250 Garis Panduan dan Manual Pengendalian Masalah Penglihatan telah diedarkan kepada KPM sebagai rujukan bagi menjalankan saringan awal penglihatan kepada murid sekolah.

## 8. Sambutan Hari OKU

KKM telah terlibat sebagai panel jemputan bagi topik perbincangan bertajuk Mendepani COVID-19: Kebiasaan Baharu, sempena sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan yang disambut pada 3 Disember 2020.

### 4.2.4. Hal-hal Lain:

Wakil KKM telah turut serta bersama pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam mesyuarat *18<sup>th</sup> ASEAN and Japan High Level Officials Meeting on Caring Societies*, yang diadakan secara maya (virtual) pada 30 Oktober 2020. Konteks mesyuarat tersebut adalah *“Promoting Inclusive Society for Children’s Future Focusing on support for children with developmental disorders including Autism Spectrum Disorders and their families”*.



*18<sup>th</sup> ASEAN and Japan High Level Officials Meeting on Caring Societies,*  
30 Oktober 2020



# 4.3 JAWATANKUASA PEKERJAAN

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

## 4.3.1. Program dan Aktiviti Jawatankuasa Pekerjaan 2020 – di bawah Kementerian

### 1. Mesyuarat Teknikal Jawatankuasa Pekerjaan MKBOKU

Tarikh : 23 Januari 2020 & 23 Julai 2020

Tempat : *Malaysian Association For The Blind*, Brickfield, Kuala Lumpur.

### 2. Mesyuarat Jawatankuasa Pekerjaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU Bil. /2020)

Tarikh : 15 Disember 2020

Tempat : Kementerian Sumber Manusia (secara *online*).

### 3. Percetakan Buku Direktori Jawatankuasa Pekerjaan dan Rakan Strategik OKU

Dicetak pada awal bulan Oktober 2020.

### 4. Website /Laman Web MKBOKU (KSM)

## 4.3.2. Program OKU Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

### 1. Webinar *Return To Work* (RTW) Norma Baharu



**Tarikh:** 27 Julai 2020



**Maklumat Peserta:** Seramai 120 peserta yang terdiri daripada peserta RTW dan pengurus kes terlibat secara bersemuka dan secara atas talian.



**Objektif program:** Mengenalpasti isu, cabaran dan halangan Orang Berinsurans (OB) yang mengalami hilang upaya untuk kembali bekerja dalam norma baharu. Mengenal pasti kaedah dan langkah-langkah untuk mengatasi isu, cabaran dan halangan bagi Orang Berinsurans (OB) yang terkesan akibat Covid-19 tetapi masih bersedia meneruskan rawatan pemulihan serta kembali bekerja.

## 2. Majlis Graduasi *Certified Disability Management Professional (CDMP)*



**Tarikh:** 12 Mac 2020



**Maklumat Peserta:** 85 orang penerima di kalangan pengurus kes, pegawai perubatan dan wakil majikan.



**Objektif Program:** Mengiktiraf para pengamal hilang upaya di Malaysia dengan persijilan professional.

## 3. Forum Pengukuhan Pengoperasian Pengurusan Hilang Upaya 2020 dan Majlis Graduasi CDMP 2020



**Tarikh:** 09 hingga 13 Mac 2020



**Maklumat Peserta:** 131 Pengurus Kes Seluruh Malaysia.



**Objektif Program:** Mengumpulkan pengamal hilang upaya dari seluruh Malaysia bagi mengatur strategi dan memperkukuhkan pengoperasian pengurusan.

## 4. E-Dialog *Return To Work* Bersama BPJS Indonesia



**Tarikh:** 12 Ogos 2020



**Maklumat Peserta:** 200 peserta di kalangan Pengurus Kes dari Indonesia dan Malaysia.



**Objektif Program:** Berkongsi pengalaman dengan pengamal hilang upaya di Indonesia dalam merangka strategi dan inovasi bagi membantu OKU di Malaysia.

## 5. Pertandingan Video Pendek Promosi *Program Return To Work*



**Tarikh:** 10 September 2020



**Maklumat Peserta:** 65 produk kreatif diketengahkan dan kini berada di *youtube* untuk tontonan umum.



**Objektif Program:** Mengiktiraf hasil seni kreatif berkaitan bidang OKU di Malaysia khususnya berkaitan promosi Program RTW PERKESO.





## 6. Temuduga OKU Bersama Majikan Mydin, Perkeso Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat (HQ)



**Tarikh:** 2 Mac 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.

## 7. Temuduga OKU Bersama Majikan Aeon, Perkeso Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat (HQ)



**Tarikh:** 8 Mac 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.

## 8. Temuduga OKU Bersama Majikan Mydin, Perkeso Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat (HQ)



**Tarikh:** 30 Jun 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.

## 9. Temuduga OKU Masalah Pembelajaran bersama Majikan Foodbike Sdn Bhd, Perkeso Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat (HQ)



**Tarikh:** 18 Jun 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.

## 10. Mini Karnival OKU PERKESO Kuala Lumpur



**Tarikh:** 28 Julai 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.



### 11. Mini Karnival OKU Pulau Pinang



**Tarikh:** 6 Ogos 2020



**Objektif Program:** Temuduga untuk semua kategori OKU sahaja.

### 12. Program *Employability* Bersama Pusat Rehab PERKESO



**Tarikh:** 13 Ogos 2020



**Objektif Program:** Bagi persediaan OB rehab untuk ke Karnival Pekerjaan Melaka.

### 13. Mini Karnival OKU PERKESO Negeri Sembilan



**Tarikh:** 19 Ogos 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.

### 14. Temuduga OKU Bersama Majikan HP, PERKESO Penang



**Tarikh:** 27 Ogos 2020



**Objektif Program:** Temuduga OB fizikal bawah kategori *Disability Management (DM)* sahaja.

### 15. Temuduga OKU Penglihatan dan Pertuturan Bersama Majikan Foodbike dan Pekka Leather, PERKESO Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat (HQ)



**Tarikh:** 9 September 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.

### 16. Temuduga OKU Bersama Majikan Micron, PERKESO Penang



**Tarikh:** 9 Oktober 2020



**Objektif Program:** Menemuduga OKU pendengaran dan pertuturan untuk penempatan pekerjaan.



### 17. Program Expo Pekerjaan OKU, PERKESO Melaka



**Tarikh:** 22 Oktober 2020



**Objektif Program:** Membantu peluang pekerjaan kepada OKU

### 18. Temuduga OKU Bersama Majikan SEGI



**Tarikh:** 3 November 2020



**Objektif Program:** Memberi peluang kepada semua peserta untuk ditemuduga terus bersama majikan yang terlibat.

### 19. Temuduga OKU Bersama Majikan FLEXTRONICS, PERKESO Penang



**Tarikh:** 21 November 2020



**Objektif Program:** Temuduga OKU pendengaran dan pertuturan.

### 20. Temuduga OKU Bersama Majikan MAPA GLOVES, PERKESO Penang



**Tarikh:** 28 November 2020



**Objektif Program:** Temuduga OKU pendengaran dan pertuturan untuk penempatan pekerjaan.

## 4.3.3. Program OKU di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)

### 1. Skim Bantuan Galakan Perniagaan Bagi OKU (SBGP-OKU)

**Objektif Program:** Membantu usahawan OKU mendapatkan pekerjaan melalui pengembangan perniagaan. Membantu usahawan OKU untuk meningkatkan pendapatan dengan pemberian geran dalam bentuk peralatan, ubah suai premis serta promosi dan bukannya wang tunai.

**Geran Tahun 2020:** RM2,000,000

**Bilangan Kelulusan:** RM1,996,450.07

**Pencapaian:** Seramai 43 usahawan OKU mendapat bantuan melalui SBGP-OKU Tahun 2020.

## 2. Temuduga Terbuka Golongan Khas Negeri Sembilan

**Tarikh:** 29 Februari 2020

**Tempat:** *JobMalaysia Centre* Negeri Sembilan

**Objektif Program:** Membantu peluang pekerjaan kepada OKU

## 3. Temuduga Terbuka Golongan Khas OKU Pekak

**Tarikh:** 4 Julai 2020

**Tempat:** *JobMalaysia Centre* Pulau Pinang

## 4. Mini Karnival Golongan Khas UTC Pahang

**Tarikh:** 4 Julai 2020

**Tempat:** *JobMalaysia Centre* Pahang

## 5. Temuduga Terbuka Golongan Khas

**Tarikh:** Temuduga Terbuka Golongan Khas

**Tempat:** Pejabat Tenaga Kerja Georgetown





## KARNIVAL MINI KERJAYA OKU PERINGKAT PERKESO



## MESYUARAT JAWATANKUASA PEKERJAAN MKBOKU KSM TAHUN 2020





# 4.4

## JAWATANKUASA

## REKA BENTUK SEJAGAT DAN ALAM BINA

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

### 4.4.1. Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB)

Mesyuarat JK RBSAB Bil. 1/2020 telah diadakan pada 20 Julai 2020. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan pakar berkaitan reka bentuk sejagat dan alam bina serta audit akses. Jawatankuasa ini juga turut dianggotai oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan Orang Kurang Upaya yang berpengalaman dalam reka bentuk sejagat dan alam bina serta audit akses.



Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil. 1/2020 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Junaidah bt. Kamarrudin, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

## 4.4.2. Pelaksanaan Aktiviti dan Program di bawah Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB)

### 1. Promosi Kesedaran Ketidakupayaan Melalui Media Massa

Promosi ini adalah melalui penghasilan video pesanan khidmat awam di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan di bawah promosi ini ialah:

- a. Perbincangan Persediaan bagi Pelaksanaan Promosi Kesedaran Ketidakupayaan antara Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) dan Unit Perhubungan Awam, JKM yang dipengerusi oleh YBhg. Dato' Maria Bernard Sinsoi, Pengarah JPOKU pada 16 Januari 2020 di Bilik Mesyuarat Aras 6, KPWKM



Perbincangan awal diadakan bagi mendapatkan konsep utama penghasilan video

- b. Perbincangan persediaan bagi pelaksanaan promosi kesedaran ketidakupayaan bersama wakil OKU yang dipengerusi oleh Puan Sharifah Hafizah Syed Hassan, PPK JPOKU pada 23 Januari 2020 di Bilik Mesyuarat Aras 6, KPWKM.







Pandangan dan idea daripada wakil OKU turut diambil kira bagi penghasilan video

- c. Perbincangan Persediaan bagi pelaksanaan promosi kesedaran ketidakupayaan bersama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) yang dipengerusikan oleh Encik Pathmanathan A/L R. Nalasamy pada 24 Januari 2020 di Bilik Perbincangan Aras 6, KPWKM.



Kolaborasi strategik antara JPOKU dan FINAS bagi meningkatkan advokasi kepada masyarakat mengenai OKU dan ketidakupayaan

## 2. Perbincangan JPOKU dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)

Perbincangan ini adalah berkaitan Kunjungan Hormat Anggota Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina telah diadakan pada 24 Januari 2020 di Bilik Mesyuarat MOTAC.



Perbincangan JPOKU dengan MOTAC Berkaitan Kunjungan Hormat Anggota Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina yang dipengerusikan oleh Encik Mohd. Khairul bin Kassim, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Prasarana, MOTAC

## 3. Persediaan bagi Taklimat Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Perbincangan Persediaan bagi Taklimat Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang telah diadakan pada 3 Februari 2020 di Bilik Mesyuarat Aras 6, KPWKM.



Perbincangan Persediaan bagi Taklimat Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pelaksanaan oleh PBT Bersama KPWKM yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Maria Bernard Sinsoi, Pengarah JPOKU

#### 4. Pelaksanaan Mesyuarat Berkaitan Aksesibiliti Bangunan yang didaftarkan Sebagai Warisan Negara

Mesyuarat Berkaitan Aksesibiliti Bangunan yang Didaftarkan Sebagai Warisan Negara telah dilaksanakan pada 30 September 2020 di Bilik Mesyuarat Aras 6, KPWKM.



Mesyuarat Berkaitan Aksesibiliti Bangunan yang Didaftarkan Sebagai Warisan Negara yang dipengerusikan oleh Encik Pathmanathan A/L R. Nalasamy, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JPOKU

#### 5. Penerbitan Artikel di Media Massa

Penerbitan Artikel dalam Media Cetak – *Advertorial* di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dengan kerjasama Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Promosi ini melibatkan penulisan bagi dua (2) artikel dalam akhbar Harian Metro atau akhbar yang bersesuaian berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh JKM dalam usaha memperkasakan OKU iaitu:

i. *Disability Equality Training (DET)*



Artikel dalam Utusan Malaysia pada 23 November 2020

ii. *Independent Living Centre (ILC)*



Artikel dalam Kosmo pada 30 November 2020

**6. Bengkel *Training of Trainers (ToT)* dan Audit Akses dalam Persekitaran Alam Bina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Melaka Tahun 2020.**

a. Objektif:

- i. Meningkatkan kefahaman peserta mengenai isu-isu, keperluan atau cabaran berkaitan ketidakupayaan dan kemudahan OKU kepada persekitaran alam bina;
- ii. Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta mengenai konsep umum berkaitan ketidakupayaan dan cara-cara menyantuni OKU melalui *Disability Equality Training (DET)* dan *Disability Related Service Training (DRST)*;



- iii. Memberi kefahaman kepada peserta tentang aplikasi konsep bebas halangan (barrier-free) dan reka bentuk sejagat (universal design) persekitaran alam bina serta melaksanakan audit akses mengikut standard MS 1184;
- iv. Melatih pegawai teknikal, pelajar, pensyarah, pentadbir dan lain-lain berkaitan terutamanya dalam bidang binaan agar dapat memahami lukisan pelan aksesibiliti dan lebih peka terhadap reka bentuk kemudahan OKU serta diaplikasikan dalam semua projek pembangunan baru dan juga retrofit bangunan lama; dan
- v. Untuk menghasilkan reka bentuk sejagat dan aksesibiliti OKU bagi penarafan bintang ke atas bangunan atau premis yang diaudit.
- vi. Kolaborasi Strategik:  
Kerjasama antara Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dengan Pertubuhan Arkitek Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- vii. Tarikh pelaksanaan:  
Pelaksanaan bengkel ini melibatkan perjanjian bagi tempoh 5 Oktober 2020 hingga 4 Oktober 2021.
- viii. Tempat audit:  
Bangunan awam/ Bangunan komersial/ Kawasan persekitaran luar/ JKMN/ PKMD



Dokumen Perjanjian Bengkel *Training Of Trainers* (TOT) dan Audit Akses dalam Persekitaran Alam Bina

# 4.5 JAWATANKUASA PENDIDIKAN

## MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

### 4.5.1. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa

1. Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bilangan 1 Tahun 2020 telah diadakan pada 28 Julai 2020.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bilangan 2 Tahun 2020 telah diadakan pada 13 Oktober 2020.

### 4.5.2. Laporan Aktiviti/ Program Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2020

1. Bengkel Kerja Jawatankuasa Teknikal Pemantapan Pindaan Indikator dan Sasaran serta Penyelarasan Status Pencapaian Teras Strategik 3 Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022:
  - 10 – 11 September 2020 (Khamis - Jumaat)
  - Bilik Mesyuarat Wawasan, Bahagian Pendidikan Khas, Aras 2, Blok E2, Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel E, 62604, Putrajaya.
  - Pegawai-pegawai dari Kementerian, Bahagian KPM, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).
  - Membincangkan dan menyelaras pindaan indikator dan sasaran serta status pencapaian inisiatif/program di bawah Teras Strategik 3 Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022 bersama-sama agensi peneraju inisiatif bagi dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bil. 2/2020.



Bengkel Kerja Jawatankuasa Teknikal Pemantapan Pindaan Indikator dan Sasaran serta Penyelarasan Status Pencapaian Teras Strategik 3 Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022

2. Bengkel Kerja Penggunaan Alat Paparan Elektronik *Braille Me* kepada Guru Pendidikan Khas Kurang Upaya Penglihatan Zon Selatan kendalian Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (NCBM) tahun 2020 (Pembekalan 15 unit peralatan *Braille Me* beserta latihan).
  - 27 hingga 28 Oktober 2020 (Selasa-Rabu) secara dalam talian (*Google Meet*).
  - Guru-guru Pendidikan Khas yang mengajar MBK kurang upaya penglihatan.
  - Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada guru-guru pendidikan khas kurang upaya penglihatan berkaitan kaedah penggunaan *Braille Me* iaitu alat paparan braile elektronik untuk MBK ketidakupayaan penglihatan sebagai alternatif kepada penggunaan Mesin *Perkin's Brailler* yang kini sedang digunakan di sekolah.



Bengkel Kerja Penggunaan Alat Paparan Elektronik Braille Me Kepada Guru Pendidikan Khas Kurang Upaya Penglihatan Zon Selatan kendalian Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (NCBM) Tahun 2020

# 4.6 JAWATANKUASA PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

## 4.6.1. Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran OKU Bil. 1/2020 telah diadakan pada 14 Ogos 2020 dan dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

## 4.6.2. Fokus Utama Bagi Tahun 2020

Pada tahun 2020, Jawatankuasa ini memberi fokus utama untuk menambahkan bilangan OKU berdaftar di Malaysia. Sehubungan itu, pelbagai aktiviti telah dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JKM, Negeri dan Daerah bagi mencapai objektif tersebut.

## 4.6.3. Laporan Aktiviti / Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2020

### 1. Penambahbaikan Garis Panduan Pendaftaran OKU Pindaan 2019

Garis Panduan Pendaftaran OKU telah dipinda pada tahun 2019 yang melibatkan beberapa penambahbaikan antaranya pertukaran daripada Borang Permohonan Pendaftaran OKU Pindaan 1/2012 kepada borang baharu iaitu Borang Pendaftaran OKU Pindaan 2019. Garis panduan ini telah diluluskan oleh YB Timbalan Perdana Menteri dalam Mesyuarat Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya Bil. 3/2019 pada 4 November 2019. Garis panduan ini telah mula berkuatkuasa pada tarikh tersebut.

Terdapat beberapa penambahbaikan dalam borang baharu tersebut seperti maklumat pendidikan, pekerjaan, status perkahwinan dan padanan pekerjaan. Selain itu, terdapat juga penambahan dalam sub kategori bagi setiap kategori OKU yang bertujuan memberi kemudahan dan maklumat tambahan terutamanya kepada agensi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan dan intervensi awal kanak-kanak OKU. Sub kategori OKU pembelajaran juga telah dicetak pada Kad OKU bagi tujuan tersebut.

Sejajar dengan penambahan maklumat tersebut, Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) juga telah ditambahbaik secara berfasa termasuk cetakan borang baharu, borang padanan pekerjaan dan cetakan Kad OKU Sementara bagi memberi





kemudahan kepada pemohon sebagai pengesahan OKU sementara menunggu Kad OKU siap dicetak.

## 2. *Roadshow* Garis Panduan dan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Pindaan 2019

Sejajar dengan penggunaan Garis Panduan Pendaftaran OKU Pindaan 2019, sebanyak lima (5) siri *Roadshow* Garis Panduan dan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Pindaan 2019 telah diadakan sepanjang tahun 2020 bertujuan mempromosi dan memberi penerangan berkenaan garis tersebut.

*Roadshow* diadakan mengikut zon yang melibatkan kumpulan sasar yang terdiri daripada pegawai daripada beberapa agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang berurusan dengan golongan OKU. Penceramah pula terdiri daripada Pakar-pakar Perubatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia di antaranya Pakar Perunding Otorinolaringologi, Pakar Perunding Rehabilitasi, Pakar Perunding Pediatrik, Pakar Perunding Psikitarik dan Pakar Oftalmologi. Maklumat berkenaan garis panduan dan prosedur kesihatan pula disampaikan oleh pegawai daripada JKM dan KKM.

Senarai *roadshow* mengikut zon dan tarikh adalah seperti berikut:

Bil.	Zon	Tempat	Tarikh	Jumlah Peserta
1.	Zon Utara (Perlis, Kedah, P.Pinang, Perak)	Auditorium Aras 1, Kompleks Pentadbiran Anak Bukit, Alor Star	5/2/2020 (Rabu)	150
2.	Zon Tengah (Selangor, KL, N.Sembilan)	Dewan Perdana Nur, KPWKM, Putrajaya	20/2/2020 (Khamis)	120
3.	Zon Selatan (Melaka, Johor)	Dewan Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Bahru	26/2/2020 (Rabu)	80
4.	Zon Timur (Pahang, Kelantan, Terengganu)	Dewan Rumah Kanak- Kanak Sultanah Hajjah Kalsom, Penor, Kuantan	24/2/2020 (Isnin)	150
5.	Zon Sarawak	Auditorium CIDB Cawangan Sarawak, Kuching	10/3/2020 (Selasa)	153



Roadshow Garis Panduan dan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Zon Utara



Roadshow Garis Panduan dan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Zon Tengah





Roadshow Garis Panduan dan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Zon Timur



Roadshow Garis Panduan dan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Zon Selatan



Roadshow Garis Panduan dan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Zon Sarawak

### 3. Program Pendampingan Sosial di Kawasan Pedalaman Sempena Kempen Pendaftaran OKU

Program Pendampingan Sosial diadakan bertujuan mengenal pasti OKU yang belum berdaftar untuk mendaftar sebagai OKU dengan kerjasama agensi kerajaan berkaitan pemimpin masyarakat dan komuniti setempat.

Program ini telah diadakan di setiap negeri seluruh Malaysia. Antaranya adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta Terlibat	Bilangan OKU didaftarkan
1.	Kempen Pendaftaran OKU di Perkampungan Orang Asli	6.10.2020	Kg Orang Asli Batu Peti, Rompin, Jempol N.Sembilan	50	15
2.	Jom Daftar OKU	13.10.2020	Ruang Legar USM, Kubang Kerian	100	16
3.	<i>Community Explorace</i>	21.10.2020	Rancangan Penempatan Semula Orang Asli Gerik, Perak	50	20





Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta Terlibat	Bilangan OKU didaftarkan
4.	Kempen Pendaftaran OKU dan Ekspo Pekerjaan OKU	22.10.2020	UTC Melaka	70	24
5.	Jom Daftar OKU	20.12.2020	Kampung Sik, Kedah	50	15
6.	Jom Daftar OKU	22.12.2020	Balairaya Kampung Cherating, Pahang	100	20

Seramai 110 OKU telah berjaya didaftarkan sempena kempen tersebut. Walau bagaimanapun, bilangan OKU yang berdaftar akan bertambah berdasarkan promosi yang dijalankan sepanjang tempoh kempen.



Pendampingan Sosial sempena Kempen Pendaftaran OKU di Perkampungan Orang Asli Kampung Orang Asli Batu Peti Rompin, Jempol, Negeri Sembilan bertarikh 6 Oktober 2020



Pendampingan Sosial sempena Kempen Pendaftaran OKU di Perkampungan Orang Asli  
Community Explorace @ Rancangan Penempatan Semula (RPS) Orang Asal Gerik,  
Perak bertarikh 21 Oktober 2020





**UTC Melaka,  
Melaka  
(22 Oktober 2020)**



**Ruang Legar USM, Kubang Kerian,  
Kelantan  
(13 Oktober 2020)**



Pendampingan Sosial sempena Kempen Pendaftaran OKU di UTC Melaka pada 22 Oktober 2020 dan di Ruang Legar USM, Kubang Kerian, Kelantan pada 13 Oktober 2020







**SEKRETARIAT MAJLIS  
KEBANGSAAN BAGI  
ORANG KURANG UPAYA**





**YBhg. Dato' Maria Bernard Sinsoi**  
*Pengarah*

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya  
(JPOKU)



**Puan Norasnida binti Nordin**  
*Ketua Penolong Pengarah*

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya  
(JPOKU)



**Puan Sharifah Hafizah binti Saad Hassan**  
*Penolong Pengarah Kanan*

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya  
(JPOKU)



**Puan Noryanti binti Mahbub**  
*Penolong Pengarah Kanan*

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya  
(JPOKU)



**Puan Merryharyaty binti Mohd Nasir**  
*Pembantu Tadbir*

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya  
(JPOKU)



**Puan Zuriana binti Isa**  
*Pembantu Operasi*

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya  
(JPOKU)



www.jkm.gov.my

Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**  
Aras 6, 9-18, No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel: +603 8323 1656 / +603 8323 1658  
Faks: +603 8323 2094

 [facebook.com/pages/JKMHQ](https://facebook.com/pages/JKMHQ)

 [twitter@JKMHQ](https://twitter@JKMHQ)

 [instagram@jkmhq](https://instagram@jkmhq)

TALIAN  
*Kasih* 15999